

| |
|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> Berita Harian |
| <input type="checkbox"/> Berita Minggu |
| Tarikh: 27/11/2011 |
| Hari: Khamis |
| Ruangan: KEMAJA (UAGS) |

Parlimen mahasiswa tingkat pemikiran kritis



MINDA INTELEK

HASRAT Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin untuk melihat penubuhan Parlimen Mahasiswa di setiap universiti awam dan diperkenalkan pada peringkat kebangsaan seperti yang dinyatakan menerusi Amanat Tahun Baru 2011, baru-baru ini amat dialu-alukan. Bersetujuan dengan semangat pindaan Seksyen 15 AUKU 2008 dan keperluan untuk memberikan lebih hak kepada mahasiswa untuk bersuara bagi memperjuangkan kebijakan, idealisme dan litaran mahasiswa, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merancang untuk mempraktikkan konsep Parlimen Mahasiswa ini di kesemua universiti tempatan khususnya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara.

Kerajaan bercadang memberikan ruang yang lebih untuk mahasiswa bersuara di dalam isu yang berkaitan dengan pendidikan tinggi mahupun isu nasional dan antarabangsa dengan penuh ketertarikan. Kerajaan sedar yang mahasiswa tunjang masa depan masyarakat ke arah pembinaan bangsa yang cemerlang dan kemakmuran pembangunan negara.

Peranan mahasiswa sering ditonjolkan penting sebagai ejen kepada perubahan masyarakat. Sebagai warga intelektual yang terdedah kepada pelbagai idea perubahan masyarakat telah menjadikan golongan mahasiswa di serata dunia cuba mengaplikasikan idea itu dan menjadi kritis kepada sebarang juga dasar negara. Di dalam sesebuah negara demokrasi, gerakan mahasiswa didukung oleh persatuan mahasiswa yang mempunyai dua matlamat perjuangan iaitu menjaga kebijakan dan hal ehwal setiap warga mahasiswa, serta cuba sedaya mungkin berperanan sebagai ejen perubahan masyarakat.

Namun impak gerakan mahasiswa yang kritikal ke atas dasar



PARLIMEN Mahasiswa mampu membentuk gerakan mahasiswa yang berilmu, matang, dan mampu dimanfaatkan oleh negara. - Gambar hasan

negara dan bersuara berkenaan politik nasional sering dilihat sebagai satu usaha mahasiswa untuk lupa pada tanggungjawab ilmu yang harus diperolehi di universiti.

Maka timbullah persoalan, bagaimanakah bentuk gerakan mahasiswa yang bersuara secara tertib? Jelas sekali konsep Parlimen Mahasiswa yang ingin diperkenalkan oleh KPT ini mampu membentuk mahasiswa yang bukan saja berdaya intelektual tinggi, malah mampu mengemukakan idea bernas yang boleh dimanfaatkan oleh universiti dan negara secara umumnya.

Apa yang menarik berkenaan konsep Parlimen Mahasiswa ialah ia berbeza dengan amalan biasa melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebelum ini. Kerajaan mahukan Parlimen Mahasiswa bertindak sebagai badan atau dewan perundangan pelajar yang bukan saja membabitkan ahli MPP, malah kesemua persatuan pelajar yang aktif dan pelajar yang berminat ke atas sesuatu isu untuk terbit sama di dalam proses perdebatan dan perundangan Parlimen Mahasiswa ini.

Cara sebegini lebih menyeluruh yang mana keterlibatan pela-

jar akan menjamin kepentingan mahasiswa di universiti akan lebih terbela. Konsep Parlimen Mahasiswa ini jelas menyerupai konsep demokrasi perundangan yang banyak terbukti berkesan dalam mengutarakan dan menyelesaikan isu yang mendesak lantas memerlukan keterlibatan menyeluruh suara pihak yang berkepentingan.

Perkara dan isu yang dibangkitkan di dalam Parlimen Mahasiswa itu juga mampu membentuk gerakan mahasiswa yang berilmu, matang, dan mampu dimanfaatkan oleh negara atau dalam erti kata lain tidak diabaikan yang melemahkan pencapaian akademik mahasiswa dan cuba mengugut kedudukan pihak pemerintah atau pengurusan universiti.

Gerakan mahasiswa yang matang haruslah dibentuk di atas dasar pemikiran mahasiswa yang berilmu dan berfikirin luas. Ilmu yang diperolehi di universiti luas dan mahasiswa perlu mengambil kesempatan ini. Ilmu yang diperolehi juga boleh dipelbagaikan seperti memperoleh ilmu mengenai politik, ekonomi, budaya, agama, teknologi maklumat, dan apa juga ilmu yang mampu memupuk kematangan maha-

siswa itu sendiri.

Mahasiswa juga perlu peka kepada bukan saja isu tempatan, sebaliknya mengambil tahu dan mampu memperdebatkan isu antarabangsa seperti globalisasi, keganasan, politik dunia, dan sebagainya. Ilmu ini akan dapat memperkasakan mahasiswa dengan pemikiran yang jitu dan seterusnya memantapkan gerakan mahasiswa itu sendiri. Jadi Parlimen Mahasiswa akan menjadi medan terbaik bagi mahasiswa meluahkan perasaan dan pandangan mereka ke atas isu terbit lantas boleh memantapkan pemikiran mahasiswa.

Malaysia ialah negara demokrasi. Sebagai negara yang menekankan kepada kebebasan akademik, maka mahasiswa melalui Parlimen Mahasiswa itu haruslah tidak keluar daripada ketetapan demokrasi yang mengutamakan suara ramai dan majoriti dalam sebarang pembentukan keputusan mahasiswa. Setiap mahasiswa haruslah berpegang kepada sikap musyawarah dalam pembentukan keputusan di dalam persatuan mahasiswa.

Tindakan mahasiswa mestilah bermatlamat menjaga kepen-

tingan dan kebijakan warga mahasiswa keseluruhannya. Sekiranya ada masalah di universiti seperti masalah pengangkutan bas, kekangan yuran oleh mahasiswa yang berkeluarga miskin, dan sebagainya maka persatuan mahasiswa mestilah bergerak aktif dalam memperjuangkan kebijakan mahasiswa itu. Di luar kampus juga persatuan mahasiswa boleh berperanan menjalankan kerja sosial dan kebijakan masyarakat misalnya di kawasan mundur di luar bandar.

Dari segi politik pula, mahasiswa juga haruslah mampu menyuarakan pandangan yang bernas kepada pihak kerajaan. Pandangan itu haruslah mampu digunakan oleh kerajaan dan setiap pihak untuk manfaat mahasiswa sendiri serta kebaikan umum masyarakat.

Apa yang nyata juga Parlimen Mahasiswa itu akan membentuk gerakan mahasiswa di universiti sebagai satu bentuk gerakan masyarakat sivil. Gerakan mahasiswa terdiri daripada persatuan yang bercorak organisasi bukan kerajaan (NGO). Justeru, gerakan mahasiswa tidak boleh membabitkan diri di dalam politik nasional atau dalam erti kata mempunyai niat memperoleh kuasa.

Mahasiswa bukan ahli politik tidak harus bergerak di dalam persatuan untuk menyokong dan mendukung parti politik sama ada parti pemerintah mahupun parti pembangkang. Oleh itu, mahasiswa haruslah memupuk perjuangannya ke arah hak mahasiswa di samping itu yang membabitkan pembangunan masyarakat dan pembangunan negara di dalam suatu persatuan pelajar yang kukuh.

Akhir sekali mahasiswa juga haruslah menetapkan idealisme perjuangannya. Mahasiswa haruslah menetapkan matlamat perjuangannya sebelum membabitkan diri di dalam persatuan mahasiswa. Ini kerana mahasiswa yang baik ialah mahasiswa yang dapat mencapai matlamatnya dan dapat mengelak unsur hedonisme meresapi jiwa mereka.

Keteguhan idealisme ini juga terhasil daripada tahap keilmuan dan pengalaman yang tinggi di dalam perjuangan. Kemantapan idealisme mampu menjadikan mahasiswa berperanan besar sebagai ejen pembangunan negara dan mampu dimanfaatkan kepada negara khususnya dalam membentuk barisan kepimpinan negara pada masa akan datang. Nyata sekali, Parlimen Mahasiswa mampu membentuk mahasiswa yang idealistik dalam perjuangan lantas membentuk kualiti kepimpinan yang kemudian membentuk mereka sebagai pelapis kepimpinan negara pada masa hadapan.

Parlimen Mahasiswa yang diwujudkan oleh kerajaan ialah satu wadah yang terkini dan baik untuk memperluas hak kebebasan bersuara mahasiswa di samping memandu gerakan mahasiswa supaya jelas hala tuju dan peranan yang harus dilakukannya secara tertib. Mahasiswa yang berjaya dibentuk daya kepimpinannya melalui persatuan di samping ilmu yang diperolehinya di universiti mampu memupuk kematangan di dalam diri setiap individu mahasiswa ini dalam menghadapi dunia kerjaya dan masa hadapan yang lebih mencabar.

Mahasiswa juga perlu sedar, dinamik, dan sentiasa berfikirin positif ketika menuntun serta berpersatuan supaya tidak berlakunya kecurian yang pantas merugikan bangsa dan negara. Lebih utama, gerakan mahasiswa perlulah diberikan galak oleh semua pihak khususnya keluarga, masyarakat, dan kerajaan untuk mencapai ke tahap kematangan yang tinggi khususnya dari segi keintelektualan, etika dan moral, dalam berorganisasi. Semoga dedikasi dan kematangan mahasiswa dapat dibentuk dan dimanfaatkan oleh negara pada masa hadapan.

Penulis ialah Karyawan Tama Kementerian Pengajian Tinggi.